

Penyelidik UTeM cipta kaki palsu

Produk cetakan 3D lebih ringan, selesa terutama bagi pengguna mudah berpeluh

Oleh Mohd Khairulhusaini Mohd Saad
bhpendidikan@bh.com.my

Melaka: Sekumpulan penyelidik Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) berjaya mencipta kaki palsu cetakan 3D yang mempunyai pelbagai ciri terkini dan lebih mesra pengguna.

Ketua Penyelidik Kaki Palsu Cetakan 3D, Mohammad Rafi Omar, berkata antara kelebihan inovasi berkenaan ialah lebih ringan dengan berat purata hanya satu kilogram, sekali gus lebih selesa.

Katanya, produk itu juga dibina dengan reka bentuk ergonomik antaranya pengudaraan baik dengan struktur berlubang bagi membantu mengurangkan peluh, terutama bagi pesakit diabetes yang mudah mengalami iritasi kulit.

“Pembuatannya selari dengan teknologi semasa iaitu menggunakan teknologi 3D, *Printing Selective Laser Sintering (SLS)* bagi memastikan proses penghasilan lebih pantas, tepat dan berkualiti tinggi.



Majlis penyerahan kaki palsu cetakan 3D kepada penerima diadakan sempena program Pendayaan Komuniti Universiti Awam (Komuniti@UniMADANI) di UTeM, Melaka, baru-baru ini. (Foto ihsan UTeM)

“Kos penghasilan kaki palsu cetakan 3D pula adalah lebih rendah berbanding kaki palsu konvensional dan proses penghasilannya hanya mengambil masa sekitar dua minggu bermula daripada proses reka bentuk sehingga ke pembuatan akhir,” katanya.

Manfaatkan maklum balas

Beliau berkata, idea penghasilan kaki palsu cetakan 3D itu teretus berdasarkan maklum balas pengguna yang memerlukan kaki palsu lebih ringan dan selesa.

Hal ini disebabkan kebanyakan pengguna kaki palsu konvensional berdepan isu ketidakselesaan disebabkan peluh berlebihan.

Situasi itu katanya, mengundang masalah lain terutama kepada pesakit diabetes seperti kegatalan, jangkitan dan berisiko berdepan komplikasi serius seperti amputasi tambahan.

Sementara itu, Naib Canselor UTeM, Prof Datuk Dr Massila Kamalrudin, berkata sehingga hari ini, tujuh kaki palsu itu diserahkan kepada tujuh penerima terpilih.

Beliau berkata, kaki palsu cetakan 3D membantu penerima bergerak lebih bebas, sekali gus dapat menikmati kualiti hidup lebih baik dan memudahkan mereka untuk bekerja bagi menjana pendapatan sendiri.

eM

اونيورسي تي

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA